

29/01/2003

`Lapan tahun penuh cabaran'

Zairee Zahir

MUKADIMAH

JELAJAH Le Tour de Langkawi (LTdL) berputik daripada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mempopularkan dan mempromosi Pulau Langkawi dan Malaysia sebagai destinasi pelancongan menerusi perlumbaan berbasikal.

Tanpa kepakaran dan pengalaman menganjurkan perlumbaan jelajah yang menepati peraturan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) serta sokongan kewangan, teknikal dan logistik yang terbatas, LTdL dilahirkan. Belajar daripada kelemahan, kesilapan dan kekurangan pada dua edisi awal 1996 dan 1997, penganjur First Cartel melangkah hinggalah jelajah kebanggaan negara itu mencapai status 2.2 dalam tempoh hanya lapan tahun.

Namun First Cartel yakin mampu mengekalkan dan meningkatkan lagi reputasi itu menjadi perlumbaan jelajah berstatus Grand Tours seperti Tour de France, Giro d'Italia dan Vuelta a Espana. Ikuti kenyataan Pengerusi Eksekutifnya, DATUK WAN LOKMAN WAN IBRAHIM mengapa bukan mustahil LTdL mencapai status lebih tinggi.

SEGALA-GALANYA perlu bermula dalam skala kecil-kecilan dan kita perlu bersikap terbuka untuk menerima kelemahan dan berusaha memperbaikinya. Begitu juga dengan First Cartel ketika menyahut cadangan Perdana Menteri supaya diadakan perlumbaan jelajah bertaraf antarabangsa di Pulau Langkawi.

Ketika itu, abang saya yang menjadi antara tenaga awal melahirkan LTdL, Allahyarham Wan Adli, berasa terpanggil untuk merealisasikan kerana menganggap ia satu cabaran positif kerana sesuatu itu bukan mustahil selagi kita belum mencubanya.

Perlu saya akui, ia satu cabaran besar kepada kami kerana walaupun meminati beberapa cabang sukan, perlumbaan jelajah basikal adalah sesuatu yang baru dan tidak pernah terlintas di kepala kami. Banyak yang perlu difahami, sama ada daripada segi penganjuran mahupun undang-undang antarabangsa sukan itu sendiri. Lagipun, memang tiada jalan pintas untuk mengejar kejayaan.

Kami tetap bersungguh dan berusaha melaksanakannya walaupun kewangan, kepakaran dan pengalaman begitu terbatas. Yang penting kita perlu bersikap terbuka dan tidak jemu untuk belajar walau sesukar mana sekali pun.

Bermula dengan perlumbaan berstatus 2.5 dan pasukan `tangkap muat' tetapi sudah ada nama, dua jelajah awal berlangsung dengan jaya tetapi menyerlahkan beberapa kelemahan yang perlu diatasi segera.

LTdL 1996 dan 1997 lebih bersifat eksperimen. Kami belajar daripada kelemahan yang dapat dikesan dan berusaha memperbaikinya. Mujurlah minat rakyat di negara ini terhadap jelajah itu semakin berkembang kerana setidak-tidaknya, ia menjadi perangsang kepada kami untuk melakukan yang lebih baik pada tahun berikutnya.

Dengan perancangan yang lebih teratur dan berbekal pengalaman dan kepakaran dua tahun sebelumnya serta pengalaman baru yang ditimba ketika menyaksikan beberapa perlumbaan di Eropah termasuk Tour de France, muncul edisi ketiga pada 1998 yang menjadi titik ke arah penganjuran lebih profesional supaya ia benar-benar menjadi sebutan di kalangan `fraternity' sukan berbasikal dunia.

Biarpun penganjurannya ketika ini cukup membanggakan dan setanding dengan jelajah besar lain, LTdL masih tidak lari daripada matlamat serampang dua matanya iaitu `sports tourism'. Cuma ketika ini ia

dipersembahkan dengan lebih meriah supaya ia menjadi acara kebanggaan bersama dan sentiasa ditunggu-tunggu seluruh rakyat negara ini.

Saya akui bukan mudah untuk menjayakannya. Banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi pada peringkat awal dulu. Begitupun, First Cartel tetap tabah. Yang penting ialah kita perlu sedia menerima cadangan positif dan bersikap terbuka demi meningkatkan mutu penganjuran itu.

Ramai beranggapan peningkatan mutu penganjuran adalah disebabkan status Perdana Menteri sebagai penaung hingga mudah 'menarik' tajaan tetapi percayalah, bukan mudah untuk meyakinkan mana-mana penaja sekalipun ada banyak syarikat gergasi konglomerat di negara ini.

Penaja mementingkan pulangan dalam bentuk publisiti dan promosi selepas menyerahkan tajaan material dan kewangan bernilai beratus ribu atau berjuta-juta. Setiap ringgit dihitung sedangkan sukan berbasikal masih baru dan asing di Malaysia.

Di sinilah First Cartel perlu berusaha keras supaya setiap ringgit wang tajaan itu memberi ganjaran kepada penaja dan syukur sehingga kini, banyak pihak yang semakin yakin untuk membuat pelaburan tajaan kepada LTdL.

Namun kita tidak boleh berpuas hati dengan mudah dan First Cartel sentiasa berusaha dan mencari idea supaya penaja mendapat imbuhan. Perlu ada 'win-win situation' di mana kedua-dua pihak memperoleh mendapat positif dan dalam masa sama ia aksi di dalam gelanggang itu sendiri sentiasa hangat, menarik dan mendebarkan.

Kami juga berharap mutu kayuhan pasukan kebangsaan kita sentiasa meningkat dari semasa ke semasa supaya muncul pelumba tempatan bergelar pelumba profesional dan berlumba dengan jaguh dunia di Eropah.

Jadi First Cartel terpaksa memandang lebih jauh ke depan dan berusaha supaya LTdL mengejar status yang lebih tinggi dan menyamai perlumbaan besar bertaraf Grand Tours di Eropah.

Kerana itulah, setiap kelemahan perlu diperbaiki. Daripada aspek penggunaan alat radio komunikasi, keputusan perlumbaan, mutu laluan, keselamatan pelumba dan petugas, kemudahan media, penginapan dan pengangkutan sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan.

Pada tahun ini, LTdL mengorak satu lagi langkah apabila bekerjasama dengan Australian Broadcasting Corporation (ABC) dan ESPN untuk menyiarkan sebahagian perlumbaan LTdL 2003 ini secara langsung ke beberapa negara dan siaran tertunda kepada lebih 60 negara lain termasuk di Eropah.

Jika dibandingkan usia LTdL, ia belumpun mencecah dua angka tetapi Tour de France sudah memasuki edisi ke-90, Giro pula ke-86, manakala Vuelta ke-58.

Bayangkan betapa panjangnya masa untuk mengejar status GT itu. Ada beberapa perlumbaan jelajah di Eropah yang diberi status 2.2 oleh UCI pula tidak dapat bertahan lama kerana pelbagai masalah.

Jadi peningkatan status daripada 2.5 kepada 2.2 dalam tempoh hanya lapan tahun adalah 'satu kejayaan Malaysia'. Resipi atau formula kejayaan itu adalah kerjasama dan usaha keras semua pihak yang terbabit secara langsung atau di belakang tabir.

Bagi yang tidak memahami apa pentingnya mengejar status lebih tinggi ini, mungkin mereka beranggapan ia satu pembaziran tetapi bagi First Cartel, kami mahu melihat LTdL menjadi pentas perlumbaan bertaraf antarabangsa dan dalam masa sama meletakkan nama Langkawi dan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.